

27 AUG 1996
Skim - Wawasan
MASA MELABUR TIBA BAGI GOLONGAN MUDA

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Bagi jutaan golongan muda di Malaysia, esok ialah masa yang ditunggu-tunggu untuk membuat tabungan menguntungkan apabila mereka berpeluang melabur dalam skim Amanah Saham Wawasan (ASW 2020).

Skim amanah saham itu akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang esok di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dengan peruntukan dana berjumlah RM3,000 juta, skim ASW 2020 terbuka kepada semua rakyat Malaysia pelbagai kaum dengan komposisi 51 peratus (RM1.53 ribu juta) untuk Bumiputera dan 49 peratus (RM1.47 ribu juta) untuk bukan Bumiputera.

Berdasarkan statistik 1995 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan, jumlah penduduk Malaysia berumur antara 10 dan 29 tahun ialah 7,416,800 orang atau 36 peratus daripada penduduk keseluruhan negara.

Daripada jumlah itu bilangan Bumiputera berjumlah 4,633,800 dan bakinya bukan Bumiputera yang terdiri daripada kaum Cina, India dan kaum lain.

Urusan pendaftaran dan pembelian ASW 2020 akan dibuka di ibu pejabat Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta 1,243 ejen jualan dan cawangannya mulai Isnin ini (2 Sept).

Dengan harga belian RM1 seunit saham, mana-mana pemegang unit yang layak boleh membeli atau memohon minimum 100 unit hingga maksimum 50,000 unit bagi setiap individu.

Skim amanah itu diurus oleh PNB melalui anak syarikat milik penuh Amanah Saham Nasional Berhad (ASN) yang kini menguruskan skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Pengurus Kanan Hal Ehwal Korporat PNB Puan Azizah Mohamed berkata PNB akan mengadakan satu tempoh tawaran khas selama sebulan sehingga 30 Sept ini untuk orang ramai mendaftar sebagai pelabur.

"Ini bertujuan membolehkan penyertaan yang meluas dalam ASW 2020 selain memberi peluang yang sama rata kepada semua bakal pelabur sekiranya berlaku lebih langganan dalam skim ASW 2020 ini," katanya ketika dihubungi Bernama.

Sekiranya berlaku lebih langganan pada tempoh itu, pelabur mungkin tidak menerima bilangan unit sehingga maksimum yang mereka pohon manakala selepas tarikh itu permohonan pembelian unit adalah berdasarkan kepada yang dahulu didahulukan.

Azizah berkata PNB juga telah mencetak kira-kira 500,000 risalah serta poster bagi kempen ASW 2020 itu.

Rakyat Malaysia rata-rata menyambut baik usaha kerajaan mewujudkan skim amanah itu apabila Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penubuhan ASW 2020 pada 25 April lepas.

ASW 2020 bertujuan menggalakkan rakyat menabung dan menyemai budaya melabur di kalangan generasi muda Malaysia serta menggembleng simpanan untuk pembangunan ekonomi negara.

Sebilangan pemimpin politik menyatakan penubuhan skim amanah saham itu membolehkan setiap rakyat berkongsi menikmati pertumbuhan ekonomi negara selain mewujudkan integrasi nasional selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Malaysia berharap untuk mencapai kadar simpanan tempatan lebih daripada 40 peratus menjelang 2000 daripada kadar semasa 34.60 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Beberapa bank perdagangan yang menjadi ejen PNB, ketika dihubungi, berkata mereka menerima banyak panggilan mengenai ASW 2020 daripada orang ramai yang berminat melabur.

Mereka juga ingin mengetahui sama ada institusi kewangan berkenaan menyediakan kemudahan pinjaman kewangan untuk melabur.

ASW 2020 ialah pelaburan yang membawa dividen berasaskan kepada baki bulanan minimum pegangan 12 bulan serta pulangan bonus yang kompetitif berasaskan tempoh pegangan "berpurata", tanpa had tempoh tahun (seperti ASB yang mempunyai tarikh matang 10 tahun).

Skim pelaburan jangka panjang ini hanya membenarkan penjualan balik sebanyak empat kali setahun, selepas enam bulan daripada tarikh pelancarannya.

Ini bertujuan melatih pemegang unit merancang pelaburan dan tidak menjualnya tanpa memikirkan kesan kepada pelaburan mereka.

ASW 2020 disifatkan sebagai "skim persaraan di masa tua" bagi mereka yang berusia lewat 20an dan kurang sedikit kerana kumpulan itu akan mencapai usia persaraan menjelang 2020. -- BERNAMA

HS NAK